

19 JUNE 2000

PERDANA MENTERI BUKAN MELAYU, JIKA MELAYU TIDAK BERSATU

KUALA LUMPUR, 19 Jun (Bernama) -- Pertubuhan Alumni Kelab-kelab Umno Luar Negara berpendapat pandangan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa orang bukan Melayu boleh menjadi perdana menteri, boleh berlaku dalam masa terdekat jika orang Melayu dan Islam lebih suka menjadi pembangkang.

Pengerusi pertubuhan itu Noh Omar berkata kenyataan Perdana Menteri itu suatu realiti mengikut perlembagaan negara kerana perlembagaan tidak menyebut bahawa Perdana Menteri mesti seorang yang berbangsa Melayu.

Katanya, trend orang Melayu suka menjadi pembangkang semakin jelas dilihat dalam pilihan raya umum 1999 apabila jumlah pembangkang Melayu dalam Dewan Rakyat meningkat daripada lapan orang sebelumnya kepada 32 orang iaitu 27 daripada Pas dan lima daripada Keadilan.

Sebaliknya, orang Melayu yang berada dalam kerajaan melalui Umno, yang menjadi tulang belakang kerajaan, telah berkurangan daripada 93 orang pada pilihan raya 1995 kepada 72 orang sahaja selepas pilihan raya umum 1999, katanya dalam kenyataan hari ini.

Noh, yang juga setiausaha parlimen di Jabatan Perdana Menteri, berkata oleh itu orang Melayu harus bersatu padu semula untuk menjamin generasi akan terus menikmati kehidupan seperti yang sedang dinikmati sekarang.

Pertubuhan itu, yang dianggotai golongan profesional dan intelektual Melayu, menyeru generasi muda supaya sedar bahawa kejayaan hidup dan keamanan negara yang dinikmati adalah hasil usaha perpaduan dan perjuangan Umno.

-- BERNAMA
MNY NMO